




Lindungi Si Manja
PENJAGAAN BAYI BARU LAHIR



**NURUL AKMA JAMIL
NUR HIDAYAH MAZLAN
NOUR EL HUDA ABD RAHIM
SITI AZUNA ABU BAKAR
WAN INDIRA LILY SURAYA WAN ABDUL MANAF**



Lindungi Si Manja Penjagaan Bayi Baru Lahir

Oleh:

Nurul Akma Jamil

Nur Hidayah Mazlan

Nour El Huda Abd Rahim

Siti Azuna Abu Bakar

Wan Indira Lily Suraya Wan Abdul Manaf

HAKCIPTA

eBuku ini ditulis oleh Nurul Akma Jamil, Nur Hidayah Mazlan, Nour El Huda Abd Rahim, Siti Azuna Abu Bakar dan Wan Indira Lily Suraya Wan Abdul Manaf dan diterbitkan oleh Malaysian Integrated Medical Professionals Association, Kota Kinabalu, Sabah.

Hak cipta terpelihara. Sebarang penghasilan semula mana-mana bahagian penulisan ini dalam apa jua bentuk dan cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain tanpa kebenaran penulis adalah dilarang. Penjualan semula atau pengubahsuaian buku ini tanpa kebenaran penulis juga tidak dibenarkan.

Penulis tidak bertanggungjawab terhadap kesesuaian kandungan untuk semua pembaca.

Hak Cipta © 2025

Diterbitkan oleh:

Malaysian Integrated Medical Professionals Association
(MIMPA)

No. 15, Tingkat 1, Blok H, Ruang Singgahmata 4,
Asia City, P.O. Box 16125,
88869 Kota Kinabalu, Sabah

e ISBN 978-629-99535-3-1



9 786299 953531

PRAKATA

Lindungi Si Manja Penjagaan Bayi Baru Lahir ialah sebuah eBuku pendidikan kesihatan untuk memberikan panduan komprehensif kepada ibu bapa dalam menjaga bayi baru lahir secara selamat, penuh kasih sayang dan berlandaskan prinsip Islam. eBuku ini merangkumi aspek penting penjagaan bayi sejak detik kelahiran, termasuk adab dan sunnah selepas kelahiran seperti azan, tahnik, dan aqiqah, serta amalan penyusuan awal yang menyokong ikatan ibu-anak dan perkembangan imuniti semula jadi.

Disertakan juga panduan mengenal isyarat tangisan bayi, posisi tidur yang selamat bagi mencegah Sindrom Kematian Bayi Mengejut (SIDS), keperluan penjagaan harian seperti mandian, pemakaian, kelengkapan rumah, dan penjagaan kesihatan. Pendekatan Islamik turut diterapkan dalam isu-isu harian seperti penggunaan tisu basah dan adab memandikan bayi.

eBuku ini juga menekankan pentingnya menjauhi amalan tradisional yang berisiko kepada kesihatan bayi serta menggalakkan ibu bapa mendapatkan maklumat sahih dan berunding dengan profesional kesihatan.

Disulami dengan doa-doa dan nasihat keibubapaan yang menyentuh jiwa, eBuku ini bukan sekadar panduan praktikal, tetapi juga sumber inspirasi spiritual bagi ibu bapa mendidik amanah Allah dengan hikmah dan kasih sayang.

Senarai Kandungan

Pendahuluan



6

Langkah awal kehidupan



7

Persediaan kelengkapan bayi



9

Lindungi bayi



12

Membersihkan bayi



14

Penjagaan tali pusat



17

Sudden Infant Death Syndrome



22

Perkembangan & stimulasi otak



26

Amalan tradisional



31

Peranan Bapa




35

Amalan Doa



39





Bayi adalah anugerah & amanah dari Allah. Menjaga bayi dengan kasih sayang dan ilmu adalah sebahagian daripada ibadah & tanggungjawab ibubapa

“Harta dan anak-anak adalah perhiasan kehidupan dunia”
(Al-Kahfi: 46)





LANGKAH AWAL KEHIDUPAN.....

ADAB & SUNNAH SELEPAS KELAHIRAN



- Disunatkan azan di telinga kanan dan iqamah di telinga kiri bayi
- Tahnik
- Aqiqah
- Memberi nama yang baik
- Bercukur



PENYUSUAN AWAL & DOA

- Menyusu memberi perlindungan antibodi & menguatkan ikatan ibu-anak. Penyusuan susu ibu adalah fitrah & sunnah (Al-Baqarah: 233)
- Doa semasa menyusu: "Ya Allah, jadikan susu ini sebagai penawar dan keberkatan untuk anakku"



**Tahukah
Anda**

Meletakkan bayi ke dada ibu selepas lahir menggalakkan penyusuan awal dan kestabilan suhu bayi



LANGKAH AWAL KEHIDUPAN.....

ISYARAT & TANGISAN BAYI

- Tangisan adalah cara bayi berkomunikasi
- Disebabkan oleh bayi lapar, basah atau penat
- Peluk bayi sambil berzikir "Ya Latif, Ya Rahman"



TIDUR & PERLINDUNGAN ROHANI

- Bayi tidur 14–18 jam sehari
- Tidurkan bayi secara menelentang untuk elak risiko SIDS
- Tidurkan bayi dengan membaca Ayat Kursi, surah Al-Ikhlâs, Al-Falaq, dan An-Nas sebagai pelindung rohani



**Tahukah
Anda**


SIDS ialah kematian mengejut dan tidak dijangka bagi bayi berusia di bawah 1 tahun; biasanya semasa tidur dan tanpa sebab perubatan yang jelas


PERSEDIAAN KELENGKAPAN BAYI





Pakaian bayi

- Baju berlengan panjang & pendek (5-7 helai)
 - Seluar panjang & pendek (5-7 helai)
 - Bedung bayi (2-4 helai)
 - Stokin & sarung tangan (3-5 pasang)
 - Topi bayi (1-2 helai)
 - Romper (3-5 helai)
- 



Keperluan Mandian & Penjagaan

- Tuala bayi (2-3 helai)
- Sabun & syampu bayi
- Minyak bayi
- Berus rambut bayi
- Pengepit kuku
- Besen mandi



Penjagaan lampin & kebersihan

- Lampin pakai buang (saiz Newborn)
- Krim ruam lampin
- Tisu basah (tanpa alkohol & pewangi)
- Kapas untuk cucian tali pusat, mata & telinga
- Alas lapik ketika tukar lampin

Tahukah Anda

Minyak bayi atau sabun dewasa yang mengandungi pewangi boleh menyebabkan iritasi pada kulit bayi. Gunakan produk khas bayi sahaja







Kelengkapan Luar Rumah

- Stroller/baby carrier
- Car seat bayi
- Beg lampin
- Alas tukar lampin



Lain-lain

- Termometer digital
- Rak pengering botol
- Peralatan mencuci botol (berus & sabun pencuci botol bayi)



Tidak semua peralatan ini wajib dibeli. Sediakan ikut keperluan agar tidak membazir

LINDUNGI BAYI DENGAN...

KEBERSIHAN & PENJAGAAN JANGKITAN

- Sentiasa cuci tangan sebelum menyentuh bayi.
- Elak orang sakit mendekati bayi



IMUNISASI & PEMERIKSAAN KESIHATAN

- Ikuti jadual imunisasi
- Pemeriksaan berkala penting untuk mengesan masalah tumbesaran & perkembangan



PERSEKITARAN RUMAH SELAMAT

- Pastikan rumah/bilik sentiasa bersih
- Pastikan bilik tidak terlalu panas atau terlalu sejuk
- Elakkan kipas atau penghawa dingin terus mengenai bayi



MEMBERSIHKAN BAYI



MEMANDIKAN BAYI



Sediakan keperluan:

- Tuala bayi
- Pakaian bersih
- Lampin
- Sabun & syampu bayi
- Air suam dalam besen mandi
- Kapas untuk mencuci mata/telinga



Adab memandikan bayi

- Niat kerana Allah
- Berdoa “Ya Allah, bersihkanlah jasad dan hatinya”
- Menjaga aurat bayi
- Menggunakan air bersih & suci
- Lembut & penuh kasih sayang

- **Pastikan suhu bilik tidak terlalu sejuk** untuk mengelakkan bayi kesejukan
- **Periksa suhu air dengan menggunakan siku** untuk memastikan air tidak terlalu panas
- **Bersihkan alat sulit bayi** untuk menghilangkan najis & kotoran
- **Bersihkan muka bayi.** Gunakan kapas yang dibasahkan dengan air suam untuk mengelap mata bayi
- **Cuci kepala & rambut bayi** dengan sedikit syampu bayi. Bilas dengan berhati-hati supaya tidak masuk ke mata bayi
- Letakkan bayi perlahan-lahan ke dalam air. Pegang kepala & bahu bayi). **Mulakan mencuci dari bahagian atas ke bawah-leher, dada, lengan, perut, belakang, alat sulit & kaki**
- **Bersihkan bahagian pelipat** (leher, ketiak, celah peha & belakang lutut
- **Keringkan bayi**
- **Pakaikan lampin & baju bersih**





PENGGUNAAN TISU BASAH (WIPES) DARI PERSPEKTIF ISLAM

Boleh digunakan dalam situasi berikut:

- Mengelap najis bayi sebagai langkah awal sebelum mencuci dengan air
- Situasi darurat atau ketika berada di luar rumah

Namun, menurut hukum fiqh:

- Membersihkan najis wajib menggunakan air untuk menyucikan tempat yang terkena najis
- Tisu basah hanya membersihkan kotoran fizikal, tetapi air diperlukan untuk menyempurnakan taharah
- Walaupun tisru basah boleh menghilangkan fizikal najis (ain), air tetap diperlukan untuk menyempurnakan taharah (kesucian).

Solusi:

- Tisu basah boleh digunakan untuk mengelap najis terlebih dahulu untuk memudahkan proses cucian. Selepas itu, basuh dengan air untuk menyempurnakan istinja'
- Pilih tisru basah khas untuk bayi yang tidak mengandungi alkohol atau pewangi untuk mengelakkan iritasi kulit
- Gunakan botol air spray untuk menggantikan paip air. Selepas mengelap dengan tisru basah, sembur dengan air & lap kering



PENJAGAAN TALI PUSAT



PENJAGAAN TALI PUSAT BAYI



Jangan tarik tali pusat secara paksa



Pastikan tali pusat sentiasa kering



Cuci tali pusat dengan antiseptik sekurang-kurangnya sekali sehari



Pastikan tangan bersih sebelum mencuci tali pusat



Jangan letak bedak, ubatan tradisional atau herba pada tali pusat



Pastikan tali pusat berada di luar lampin bayi

Elakkan pemakaian barut yang ketat



Tali pusat tidak perlu dibersihkan dengan sabun

INFEKSI TALI PUSAT BAYI

FAKTOR-FAKTOR PENYEBAB INFEKSI

Tidak mencuci tangan sebelum mencuci tali pusat



Tali pusat tercemar dengan air kencing




Teknik mencuci tali pusat yang salah



Meletakkan ubatan herba atau minyak



TANDA-TANDA INFEKSI



CUCIAN TALI PUSAT BAYI

Alatan yang diperlukan

- Antiseptik: Chlorhexidine 1:200 in alcohol 70%
- Cotton ball
- Bekas bersih



Cara-cara mencuci

1. Cuci tangan
2. Tuangkan larutan antiseptik ke dalam bekas
3. Rendam 7 cotton ball dalam larutan
4. Perah cotton ball
5. Perhatikan keadaan tali pusat
6. Cuci tali pusat berpandukan keadaan tali pusat (Rujuk rajah di bawah)
7. Jika tali pusat basah (biasanya pada hari pertama sehingga hari ketiga selepas kelahiran, ikut langkah 1)
8. Jika tali pusat kering (pada hari keempat & seterusnya sehingga tali pusat tertanggal, ikut langkah 2)

CARA MENCUCI TALI PUSAT BAYI

LANGKAH 1



Tali Pusat Basah


1 Permukaan atas stump

2 Atas ke bawah 4 penjuru dari jauh ke dekat

3 Mengelilingi pusat

4 Mengelilingi clamp

LANGKAH 2




Tali Pusat Kering

1 Mengelilingi pusat

2 Bawah ke atas 4 penjuru dari jauh ke dekat

3 Permukaan atas stump

4 Mengelilingi clamp



SUDDEN INFANT DEATH SYNDROME (SIDS)

Apa itu SIDS?

SIDS ialah kematian secara mengejut di kalangan bayi yang berusia antara 1-6 bulan semasa tidur

Kenali SIDS dan cara mencegahnya. Amalan mudah seperti posisi tidur yang betul dan penyusuan susu ibu dapat menyelamatkan nyawa bayi anda





Posisi tidur yang betul.
Letakkan bayi tidur
terlentang. Elakkan tidur
meniarap atau mengiring

Penyusuan susu ibu



Awasi bayi ketika
tidur

PENJAGAAN BAYI UNTUK MENCEGAH SIDS

Jangan pakaikan bayi
dengan pakaian yang
terlalu tebal atau
banyak lapisan




Pastikan suhu bilik tidak
terlalu panas atau sejuk
semasa tidur



Elakkan
pendedahan
kepada asap
rokok

Bayi tidak memerlukan bantal. Penggunaan bantal meningkatkan risiko SIDS akibat sukar bernafas



Gunakan tilam yang padat & tidak tenggelam apabila ditekan

Bayi tidur di bilik yang sama dengan ibu bapa

PENJAGAAN BAYI UNTUK MENCEGAH SIDS


Elakkan penggunaan selimut tebal & besar kerana ia boleh menutup hidung & mulut bayi

Jarak antara palang baby cot tidak boleh melebihi 6 cm (2¼ inci) bagi mengelakkan kepala bayi terperangkap

Elakkan meletakkan apa-apa barangan dalam katil bayi. Katil bayi yang kosong lebih selamat



PERKEMBANGAN & STIMULASI OTAK



KEPENTINGAN SIMULASI AWAL

Stimulasi awal ialah rangsangan yang diberikan kepada bayi melalui sentuhan, pendengaran, penglihatan, dan pergerakan bagi merangsang perkembangan otak, deria, dan kemahiran motor

Perkembangan otak & kognitif



Perkembangan motor halus & kasar



Perkembangan sosial & emosi



Perkembangan bahasa & komunikasi



Tahukah Anda

80% perkembangan otak berlaku dalam 2 tahun pertama kehidupan. Interaksi yang konsisten membantu membina asas kognitif, emosi, dan sosial

KAEDAH STIMULASI AWAL



- Gunakan kontras warna hitam-putih atau warna terang.
- Gantung permainan yang bergerak perlahan di atas katil bayi (jarak 20–30 cm dari mata).
- Senyum dan pandang mata bayi ketika bercakap.



- Bercakap dengan nada lembut sambil menatap wajah bayi.
- Bacakan doa, zikir, atau ayat Al-Quran.
- Mainkan bunyi lembut seperti *white noise* atau muzik instrumental.



KAEDAH STIMULASI AWAL

SENTUHAN



- Lakukan sentuhan kulit-ke-kulit sekerap mungkin.
- Urut bayi dengan minyak bayi yang selamat sambil membaca doa.
- Peluk bayi setiap kali menenangkan tangisnya.



PERGERAKAN

- *Tummy time*: Letakkan bayi meniarap di atas tilam untuk menguatkan otot leher dan bahu.
- Goyangkan mainan berbunyi supaya bayi cuba mencapainya.
- Bawa bayi berjalan di sekitar rumah untuk mengenalkan persekitaran.



TIPS KESELAMATAN & ADAB ISLAM



Aktiviti stimulasi dilakukan dalam suasana tenang & tidak memaksa bayi



Elakkan alat mainan kecil yang boleh menyebabkan tercekik



Pastikan bayi tidak *overstimulated*



Mulakan sesi dengan doa

**Tahukah
Anda**

Tanda-tanda bayi *overstimulated*:
Gelisah, mengalihkan pandangan & menangis





AMALAN TRADISIONAL YANG MEMBAHAYAKAN BAYI

Memberi air kosong kepada bayi bawah 6 bulan



Menyebabkan ketidakseimbangan elektrolit & gangguan penyusuan


Menutup kepala bayi sepanjang masa



Menyebabkan hipertemia (panas melampau) & risiko SIDS (kematian bayi mengejut).

Menggoncang bayi

Menyebabkan kecederaan otak, pendarahan otak atau mata & kematian (Shaken Baby Syndrome)



Memberi madu kepada bayi bawah 1 tahun



Madu mungkin mengandungi *Clostridium botulinum* & akan menyebabkan Botulisme infant (kelumpuhan otot & pernafasan).

Memakaikan barut terlalu ketat

Mengganggu pernafasan, penghadaman & perkembangan motor bayi.
Tiada bukti saintifik barut membantu pembuangan angin.



Menjemur bayi untuk cegah kuning

Risiko hipertemia (panas melampau), dehydration (kehilangan cecair badan) & kerosakan retina mata



Memberi air jampi/air herba/jamu untuk rawat kuning

Risiko alahan, kerosakan buah pinggang, dan gangguan sistem penghadaman

Meletakkan bawang putih/lada hitam pada bayi untuk mengelakkan angin/gangguan



Risiko iritasi kulit, alahan, atau keracunan jika termakan secara tidak sengaja.

Penyusuan susu ibu secara eksklusif selama 6 bulan mengurangkan risiko penyakit dan menyokong perkembangan otak bayi

Penyusuan susu ibu secara kerap dan eksklusif adalah rawatan terbaik untuk bayi kuning fisiologikal

Rujuk pakar kesihatan jika bayi anda kuning. Rawatan awal adalah selamat dan berkesan





**PERANAN BAPA
DALAM
PENJAGAAN BAYI**



KEPENTINGAN PENGLIBATAN BAPA

Dalam Islam, tanggungjawab membesarkan anak adalah amanah bersama. Rasulullah ﷺ menunjukkan contoh kasih sayang terhadap anak-anak dan cucu baginda dengan bermain, mencium, dan memeluk mereka.

Sentuhan dan suara ayah membantu bayi mengenali figura bapa.

Membina hubungan kasih sayang

Permainan fizikal bersama bapa membantu perkembangan motor kasar

Memberi ibu masa rehat untuk memulihkan tenaga


Mengurangkan risiko kemurungan selepas bersalin



APA YANG BAPA BOLEH LAKUKAN?

- Menyokong ibu semasa menyusukan bayi: bawa air, bantu posisi ibu, atau tenangkan bayi selepas menyusukan
- Menghadiri temu janji pemeriksaan bayi bersama ibu
- Menukar lampin, memandikan bayi, atau memakaikan baju
- Menyediakan peralatan penyusukan atau membantu menyimpan susu perahan

- Bermain dengan bayi: membuat mimik muka, bercakap, atau menyanyi
- Membawa bayi berjalan-jalan sambil mengenalkan persekitaran



Nasihat buat ibubapa...



Sayangi bayi dengan ilmu. Tidak semua amalan nenek moyang kita sesuai diamalkan.

Dapatkan maklumat dari sumber yang sahih. Rujuk doktor atau jururawat apabila ada keraguan. Elakkan bergantung sepenuhnya kepada media sosial & kepercayaan turun temurun.

Anak adalah amanah. Setiap tindakan kita akan memberi kesan kepada perkembangan fizikan & mental mereka.

Didik orang sekeliling dengan hikmah. Sesetengah ahli keluarga atau orang tua mungkin berpegang kuat kepada amalan lama. Sampaikan ilmu dengan penuh hormat dan kasih sayang, agar mereka memahami kenapa perubahan diperlukan demi kebaikan bayi.






DOA UNTUK BAYI...

Doa Perlindungan daripada Gangguan Syaitan, Penyakit dan Bahaya

أُعِيذُكَ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ
وَهَامَّةٍ وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَامَّةٍ

Aku memohon perlindungan untukmu dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna, daripada setiap syaitan dan binatang yang berbahaya, serta daripada setiap pandangan mata yang membawa keburukan



DOA UNTUK BAYI...

Doa Anak Soleh

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا


Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami pasangan dan zuriat kami sebagai penyejuk mata, dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa.


Surah al-Furqan, ayat 74.

Anak adalah hadiah tanpa syarat, rezeki penuh rahmat


Anak bukan sekadar pelengkap hidup,
tetapi amanah yang dititipkan Allah,
untuk diasuh dengan kasih, dibimbing dengan hikmah,
agar kelak jadi insan yang menyejukkan mata, penyejuk jiwa.


Peluklah dia dengan doa,
didiklah dia dengan cinta yang bersujud,
kerana di sebalik tubuh kecil itu,
terkandung harapan besar.







SUMBER RUJUKAN


 Ministry of Health Malaysia. (2019). Perinatal care manual (5th ed.). Ministry of Health Malaysia.

 Ministry of Health Malaysia. (2016). National Neonatal Resuscitation Program (NNRP) guidelines (3rd ed.). Ministry of Health Malaysia.


 Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. (2016). Risalah penjagaan bayi baru lahir. Kementerian Kesihatan Malaysia. World Health Organization. (2017).

 WHO recommendations on newborn health: Guidelines approved by the WHO Guidelines Review Committee. World Health Organization.

<https://www.who.int/publications/i/item/9789241550086>

 World Health Organization. (2020). Standards for improving the quality of care for small and sick newborns in health facilities. World Health Organization.

<https://www.who.int/publications/i/item/978924001076>

 American Academy of Pediatrics, & American College of Obstetricians and Gynecologists. (2017). Guidelines for perinatal care (8th ed.). American Academy of Pediatrics.

PENULIS



Dr. Nurul Akma Jamil
Pensyarah Kejururawatan
Kulliyah of Nursing, International Islamic University Malaysia



Sr. Nur Hidayah Mazlan
Pegawai Jururawat
Kulliyah of Nursing, International Islamic University Malaysia



Dr. Nour El Huda Abd Rahim
Pensyarah Perubatan
Kulliyah of Medicine, International Islamic University Malaysia



Dr. Siti Azuna Abu Bakar
Pensyarah Kejururawatan
Kulliyah of Nursing, International Islamic University Malaysia



Sr. Wan Indira Lily Suraya Wan Abd Manaf
Jururawat Kebidanan
Sultan Ahmad Shah Medical Centre @ International Islamic University Malaysia

DI BAWAH INISIATIF

SASMEC RESEARCH GRANT 2025
(SRG25-110-0110)